






**PEMBERITAHU JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENIMBANG RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS (IPCMC) 2019**

1. Dewan Rakyat pada 14 Oktober 2019 telah meluluskan usul oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk merujuk Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 (D.R.25/2019) ke Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang Undang.

2. Tanggungjawab, peranan dan tugas Jawatankuasa ini adalah untuk meneliti isu-isu yang menjadi perhatian pihak awam serta cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Jawatankuasa ini akan mengemukakan syornya ke Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat tidak lewat daripada 18 November 2019(Isnin).

3. Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen yang berikut:

	YB Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh (Ahli bagi Kawasan Bukit Gelugor) Pengerusi
	YB Puan Rusnah Binti Aluai (Ahli bagi Kawasan Tangga Batu)
	YB Tuan Su Keong Siong (Ahli bagi Kawasan Kampar)

	<p>YB Tuan Larry Soon@Larry Sng Wei Shien (Ahli bagi Kawasan Julau)</p>
	<p>YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Ahli bagi Kawasan Tuaran)</p>
	<p>YB Dato' Sri Azalina Othman Said (Ahli bagi Kawasan Pengerang)</p>
	<p>YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar (Ahli bagi Kawasan Santubong)</p>
	<p>YBhg Datuk Roosme binti Hamzah (Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang)</p>

4. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 ini boleh diajukan kepada:

Urus Setia Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat,
Aras 6, Bangunan Parlimen Malaysia

- Encik Amisyahrizan bin Amir Khan (03-2601 7489)
- Encik Wan Ahmad Syazwan bin Wan Ismail (03-2601 7174)
- Puan Marzila binti Muslim (03-2601 7104)

dan boleh diakses melalui portal Parlimen di www.parlimen.gov.my

Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 dan cadangan Pindaan oleh pihak Kerajaan boleh dimuat turun dipautan berikut:

- [Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis \(IPCMC\) 2019.](#)
- [Independent Police Complaints of Misconduct Commission \(IPCMC\) Bill 2019.](#)
- [Pindaan oleh Kerajaan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019.](#)
- [Amendment by the Government on Independent Police Complaints of Misconduct Commission \(IPCMC\) Bill 2019.](#)

5. Jawatankuasa Pilihan Khas ini ingin mempelawa pertubuhan-pertubuhan / persatuan-persatuan yang berdaftar atau individu untuk mengemukakan cadangan-cadangan atau syor-syor mengenai Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019. Sebarang cadangan hendaklah dikemukakan sebelum atau selewat-lewatnya pada 8 November 2019 (Jumaat) ke alamat seperti berikut:

Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas
Menimbang Rang Undang-Undang
Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019
Parlimen Malaysia, Bangunan Parlimen,
Jalan Parlimen,
50680 KUALA LUMPUR.
Faks: 03-2698 6170 / 03-2031 7972
E-mel: jkpk.ipcmc@parlimen.gov.my

6. Tarikh-tarikh Sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang ini menemui pertubuhan-pertubuhan / persatuan-persatuan yang berdaftar dan individu adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa	Tempat
26 Okt 2019 (Sabtu)	10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari	Bilik Seri Sarawak, Bangunan Lama Dewan Undangan Negeri (DUN), Petra Jaya, Kuching, Sarawak
02 Nov 2019 (Sabtu)	10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari	Bilik Gerakan, Aras 4 Bangunan Persekutuan Pulau Pinang Jalan Anson, Pulau Pinang
08 Nov 2019 (Jumaat)	9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari	Bilik Gerakan Dewan Negeri Bangunan Sultan Ismail Kota Iskandar, Iskandar Puteri Johor Darul Takzim
10 Nov 2019 (Ahad)	10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari	Bilik Kedah, Aras 2, Blok A Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah

Datuk Roosme binti Hamzah
Setiausaha Dewan Rakyat merangkap
Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang
Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019